

## PELAN PENJANA BAGI INDUSTRI KREATIF

Pelan PENJANA bagi Industri Kreatif adalah sebuah inisiatif yang pelbagai untuk memulihkan industri kreatif termasuk juga seni dan budaya, di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek PENJANA. Pelan ini bakal ditadbir dan diurus oleh CENDANA dan MyCreative Ventures, di bawah pengawasan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Ia telah dirangka khas untuk membantu industri seni, budaya, hiburan dan pementasan, sama ada dalam kalangan para penggiat mahupun perniagaan yang berteraskan seni, yang terkesan dengan pandemik COVID-19, untuk bangkit semula dan meneruskan aktiviti kreatif mereka. Inisiatif-inisiatif di bawah CENDANA adalah bertumpu khusus kepada industri-industri seni dan budaya.

Objektif utama pelan ini adalah membantu aktiviti dan perniagaan industri kreatif untuk dibangunkan semula dan kekal rancak demi menyokong pendapatan penggiat-penggiat industri yang amat bergantung kepadanya.

### 1) INISIATIF PEMULIHAN CENDANA

#### a) Program Pemulihan Ruang Seni

---

Program Pemulihan Ruang Seni berharap dapat mempersiapkan, melatih dan memperbaiki ruang seni persembahan, seni visual dan muzik independen serta kraf di seluruh negara untuk bersedia dalam menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk penonton/ peserta. Di samping itu, program ini menyokong perbelanjaan operasi asas iaitu sewa, utiliti dan kos pemasaran.

#### NILAI GERAN

Program Pembaikan Ruang Seni menyokong sehingga RM 35,000 untuk tempat yang mengambil bahagian. Kos latihan ditanggung sepenuhnya oleh CENDANA.

**Permohonan dibuka 16 Julai 2020**

#### b) Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni

---

Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni memberikan sokongan kepada organisasi, persatuan dan pertubuhan seni berdaftar merangkumi sektor seni persembahan, seni visual dan muzik independen serta kraf untuk kesinambungan seni, perkembangan demi ketahanan dan menyokong kelestarian. Tujuan pembiayaan merangkumi amalan sokongan dan operasi organisasi seni di Malaysia.

#### NILAI GERAN

Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni menyokong sehingga **RM 150,000** untuk setiap organisasi seni bagi tempoh dua belas **(12) bulan**.

**Permohonan dibuka 17 Julai 2020**

### **c) Pilihan Industri Kraf CENDANA**

---

Pilihan Industri Seni Kraf bertujuan untuk menaikkan industri kraf negara dengan menawarkan pengiktirafan dan penghargaan khas kepada artisan Malaysia, pembuat kraf dan pengeluar seni tradisional, kraf dan perdagangan terancam demi kelestarian ekonomi kraf Malaysia.

Melalui pendekatan pelbagai lapisan, Pilihan Industri Seni Kraf memilih dan memberi insentif kepada artisan, pembuat kraf, dan pengeluar mahir dengan adil ke seluruh negara untuk pengembangan dan pengeluaran produk mereka.

Dalam semangat melestarikan dan mengekalkan karya seni kraf, Pilihan Industri Seni Kraf mendorong artisan Malaysia yang mahir di sektor kraf untuk terus menghasilkan, berinovasi dan memasarkan kraf mereka sebagai sumbangan langsung kepada ekonomi dengan mengemukakan permohonan mereka atau dengan mencalonkan mana-mana seniman di dalam industri kraf.

#### **NILAI GERAN**

Insentif tunai sehingga **RM 30,000** untuk individu / kolektif / artisan, pembuat kraf dan pengeluar / organisasi Malaysia di seluruh negara.

#### **Permohonan dibuka pada 18 Ogos 2020**

### **d) Program Pembiayaan Karya Kilat**

---

Program Pembiayaan Karya Kilat bertujuan untuk memupuk dan menyokong pembangunan artistik dan pembentangan idea-idea melalui cara-cara yang imaginatif walaupun berdepan dengan kekangan fizikal terhadap sumber melalui geran sehingga RM 1,500 bagi setiap artis / individu seni budaya serta artisan dan pembuat kraf dan RM 3,500 bagi setiap kolektif / organisasi seni.

Penggiat-penggiat seni persembahan, visual, muzik independen dan pembuat kraf tempatan digalakkan memohon kepada Program Pembiayaan Karya Kilat yang bertujuan untuk menyokong penciptaan karya dan operasi seniman, kolektif dan organisasi seni di Malaysia semasa tempoh krisis COVID-19 melalui geran respon segera.

Matlamat Program ini adalah untuk memupuk dan menyokong perkembangan artistik dan pembentangan idea-idea yang imaginatif walaupun dihadapi dengan kekangan yang disebabkan oleh COVID-19. Ia juga memberikan satu peluang bagi penggiat-penggiat seni tempatan untuk menyesuaikan amalan seni mengikut keadaan semasa, meneroka cara baru dalam menghasilkan karya seni dan bereksperimen dengan bentuk/idea baru.

Program ini menyokong:

- Idea yang menyumbang kepada kepelbagaian ekspresi seni budaya dan mempromosikan kesenian dan bakat Malaysia.

- Idea yang mempunyai penghasilan akhir digital yang boleh dibentangkan dengan cara yang berbeza/unik yang membolehkan penggiat seni berkarya dan berinteraksi dengan penonton tempatan dan antarabangsa sepanjang krisis pandemik COVID-19.
- Penghasilan akhir adalah seperti dan tidak terhad kepada penceritaan melalui video, podcast, fail audio, video siaran langsung di Facebook atau Instagram (dimana ianya boleh disimpan), kandungan video, penstriman atau lain-lain bentuk digital di mana-mana platform digital yang berkaitan.

## NILAI GERAN

Program Pembiayaan Karya Kilat menyokong jumlah sehingga **RM 1,500** untuk individu dan **RM3,500** untuk organisasi/ kolektif/ band/ kumpulan seni bagi setiap permohonan yang berjaya.

Projek yang dicadangkan mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan larangan berkumpul yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri atau persekutuan atau dalam persekitaran yang ditetapkan oleh kerajaan, contohnya, penjarakan sosial.

Oleh sebab sumber yang terhad, CENDANA akan memberi keutamaan pembiayaan kepada artis berpendapatan rendah dan/ atau organisasi seni kecil dan sederhana di mana perniagaan utama adalah dalam sektor seni, di ruang berskala kecil dan sederhana (<500 pax) dan di ruang awam.

Sokongan pembiayaan dilakukan melalui proses penilaian oleh Pihak Pengurusan yang tertakluk kepada kriteria-kriteria yang tertera, dan kekukuhan kertas kerja dan dokumen yang berkaitan dikemukakan semasa permohonan.

	<b>Tarikh Buka Permohonan</b>	<b>Tarikh Tutup Permohonan</b>	<b>Keputusan Permohonan</b>
<b>Pembiayaan Kitaran 5</b>	16 Julai 2020	15 Ogos 2020	15 September 2020
<b>Pembiayaan Kitaran 6</b>	16 Ogos 2020	15 September 2020	15 Oktober 2020
<b>Pembiayaan Kitaran 7</b>	16 September 2020	15 Oktober 2020	15 November 2020
<b>Pembiayaan Kitaran 8</b>	16 Oktober 2020	15 November 2020	15 Disember 2020

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila e-mel kepada: [grants@cendana.com.my](mailto:grants@cendana.com.my) atau layari: <https://www.cendana.com.my/opportunities/cendana-recovery-initiatives>

-----

## 2) INISIATIF PINJAMAN PASCA PANDEMIK COVID-19 MYCREATIVE VENTURES SDN. BHD.

Sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan bagi menyokong industri kreatif melalui MyCreative Ventures. Inisiatif ini akan membantu perniagaan industri kreatif dalam meringankan bebanan aliran tunai yang dihadapi oleh PKS, artis, kolektif dan organisasi yang terkesan oleh pandemik ini. Tawaran geran dan pembiayaan yang disediakan oleh MyCreative Ventures adalah seperti berikut:

### a) Digital Marketing and Promotions Grant (DMPG)

Geran Pemasaran Digital dan Promosi disediakan untuk membantu para penggiat industri kreatif dalam pemasaran barangan/ perkhidmatan/ bakat mereka di dalam talian, melalui aplikasi, paparan iklan dan pengantara digital yang lain seperti Media Prima Digital, Astro atau mana-mana platform digital yang boleh diterima pakai oleh MyCreative Ventures antaranya seperti berikut:

- Baucar RM12,000 untuk pasaran dan promosi pakej di bawah Astro.
- Baucar RM10,000 untuk pasaran dan promosi pakej di bawah Media Prima.
- Baucar RM3,000 bagi pasaran dan promosi di bawah platform digital seperti Facebook, Instagram, Google, Tik Tok, Snapchat, Twitter, YouTube dan lain-lain.

Jumlah peruntukan dana adalah terhad dan diberi dalam bentuk baucar dan pembayaran balik bagi membantu sehingga 2,000 pemohon untuk tujuan pemasaran digital.

Untuk maklumat lanjut, sila salurkan pertanyaan ke: [mycreativemg@mycreative.com.my](mailto:mycreativemg@mycreative.com.my)

### b) Program Halaju Digital

Program Halaju Digital adalah usaha untuk membantu penggiat industri kreatif untuk menerapkan aspek digital atau dalam talian kepada perniagaan atau aktiviti kreatif mereka selain untuk membimbing mereka menyesuaikan diri dengan normal baharu melalui latihan yang merangkumi kaedah dan promosi pengedaran digital, pembangunan model perniagaan baharu dan saluran perhubungan.

Akses percuma kepada kursus latihan oleh:

#### Google

- **Google for non-profits**

Menawarkan akses kepada produk Google untuk organisasi yang layak dan dapat membantu menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh organisasi tidak berdasarkan keuntungan: mencari penderma dan sukarelawan baru, bekerja dengan lebih cekap, dan mendapat sokongan untuk mengambil sebarang tindakan. Terdapat juga halaman sumber

coronavirus (COVID-19) untuk menyokong organisasi tidak berdasarkan keuntungan.

- **Google Arts & Culture**

Inisiatif tanpa keuntungan yang dimulakan pada tahun 2011, bertujuan untuk meletakkan harta seni, warisan dan budaya dunia di hujung jari sesiapa sahaja dengan cara yang menyeronokkan.

- **YouTube Creator Academy**

Bagi mereka yang baru memulakan atau ingin memajukan saluran Youtube mereka, Creator Academy akan membantu dengan menyediakan pendidikan dalam talian percuma mengenai YouTube.

- **Mahir Digital Bersama Google**

Bengkel maya percuma untuk membantu pemilik perniagaan tempatan bekerja dari luar dan beralih ke ruang digital.

- **Skillshop**

Kuasai alat-alat untuk berkerja Google dengan latihan dalam talian percuma. Memajukan kemahiran yang dapat digunakan dengan segera melalui kursus e-pembelajaran yang dirancang oleh pakar-pakar produk Google. Belajar mengikut program pada kadar anda sendiri dan dapatkan sijil produk Google.

### **Facebook**

Latihan mengenai penyelesaian kewangan untuk menyokong kandungan digital, kandungan langsung dan barang dagangan

### **YES**

Program “Belajar Dari Rumah” dan latihan mengenai platform digital.

Untuk maklumat lanjut, sila salurkan pertanyaan ke: [creativetraining@mycreative.com.my](mailto:creativetraining@mycreative.com.my)

## **c) Pinjaman Mudah Bagi Sektor Seni, Budaya Dan Hiburan**

Pinjaman Mudah Bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan yang diperkenalkan di bawah Pelan PENJANA adalah inisiatif yang disasarkan kepada syarikat-syarikat kreatif yang telah terjejas akibat pandemik COVID-19, demi membangunkan semula perniagaan mereka dan meneruskan kesinambungan ekosistem industri kreatif tempatan.

Pinjaman Mudah Bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan ini adalah disasarkan kepada usahawan mikro, penerbit, penggiat seni yang telah lama bertapak di dalam industri. Pinjaman ini ditawarkan kepada pendaftar syarikat milikan tunggal / perkongsian / syarikat Sdn. Bhd yang terlibat di dalam industri kreatif, khususnya syarikat dikategorikan dalam sepuluh (10) subsektor kreatif yang disokong oleh MyCreative Ventures iaitu Penciptaan Kandungan (termasuk Filem, Kandungan Penyiaran & Penstriman dan Permainan Video), Muzik,

Fesyen, Seni Persembahan, Seni Visual, Sastera, Seni Tradisional dan Kebudayaan, Seni Kuliner, Reka Bentuk dan Pendidikan Kreatif.

**Terdapat dua (2) jenis pinjaman untuk usahawan:**

- **Pinjaman Pemulihan Industri Kreatif (PPIK)** adalah untuk syarikat Sendirian Berhad dengan pendapatan lebih dari RM1 juta dan/atau telah beroperasi lebih dari tiga (3) tahun.

**Jumlah Pinjaman, Kadar Faedah dan Tempoh Pinjaman**

Jumlah pinjaman PPIK adalah antara **RM100,000** hingga **RM500,000**. Kadar faedah ditetapkan pada kadar 3.5% setahun berdasarkan kaedah baki berkurangan. Tempoh pinjaman adalah sehingga lapan puluh empat (84) bulan.

- **Pinjaman Mikro bagi Usahawan Kreatif (PMUK)** adalah pinjaman berjangka untuk yang beroperasi dalam industri kreatif, berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Sdn. Bhd., dengan pendapatan kurang dari RM1 juta dan/atau telah beroperasi kurang dari tiga (3) tahun.

**Jumlah Pinjaman, Kadar Faedah dan Tempoh Pinjaman**

Jumlah pinjaman PMUK adalah antara **RM50,000** hingga **RM150,000**. Kadar faedah ditetapkan pada kadar 3.5% setahun berdasarkan kaedah baki berkurangan. Tempoh pinjaman adalah sehingga lapan puluh empat (84) bulan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari [www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my) atau salurkan pertanyaan ke: [enquiry@mycreative.com.my](mailto:enquiry@mycreative.com.my)

---